

Kerajaan sedia jual pegangan dalam GLC

Kepentingan ekuiti dikurangkan bila tiba masa sesuai: PM

Oleh Azman Zakaria dan Zainab Mohd Yatim

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan menjual kepentingan-nya dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) pada masa yang sesuai.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak perlu memiliki pegangan ekuiti terlalu besar dalam mana-mana syarikat.

"Bukan untuk saya mengatakan bila, tetapi saya sentiasa berpendapat bahawa kita (kerajaan) tidak perlu memiliki pegangan ekuiti yang terlalu tinggi dalam mana-mana syarikat.

"Apabila sampai masa untuk mengurangkan pegangan itu, kami akan mengurangkannya," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Fasa Ketiga (2007-2010) Program Transformasi GLC, di Kuala Lumpur, semalam.

Kerajaan menerusi cabang pelaburan utamanya, Khazanah Nasional Bhd memiliki kepentingan dalam 50 syarikat mewakili lapan peratus daripada syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan nilai permodalan pasaran berjumlah kira-kira RM230 bilion setakat 24

November lalu.

Sementara itu, Abdullah berkata, beliau berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai GLC sepanjang tempoh fasa kedua program transformasinya.

"Saya gembira dengan kejayaan yang dicapai GLC dalam fasa kedua. Usaha yang dilakukan mereka untuk menggerakkan sumber akan mewujudkan momentum baru untuk perkembangan seterusnya.

"Dalam fasa ketiga ini pula usaha akan ditumpukan bagi memastikan kejayaan seterusnya, dan dengan semangat yang ada di kalangan peneraju syarikat GLC, saya yakin fasa ini akan dilalui dengan cemerlang," katanya.

Program Transformasi GLC dilancarkan oleh kerajaan pada 24 Mei 2004 sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mendorong pembangunan dan meningkatkan ekonomi negara.

Fasa pertama program berkenaan bermula dari tarikh pelancaran GLC hingga Januari 2005 yang turut menyaksikan penyusunan semula Khazanah Nasional, pengenalan Indeks Prestasi Utama (KPI) dan perubahan dalam kepemimpinan GLC dan penubuhan Jawatankuasa Putrajaya

mengenai Prestasi Tinggi GLC (PCG).

Fasa kedua pula bermula pada Julai 2005 membabitkan pelancaran Manual Transformasi yang memperkenalkan lima Panduan Dasar dan 10 inisiatif yang disasarkan untuk mendorong dan meningkatkan prestasi GLC.

INFO

Program Transformasi GLC

- Dilancarkan kerajaan pada 24 Mei 2004 sebagai sebahagian daripada usaha mendorong pembangunan dan meningkatkan ekonomi negara.
- Fasa pertama program berkenaan bermula dari tarikh pelancaran GLC hingga Januari 2005.
- Fasa kedua bermula pada Julai 2005 membabitkan pelancaran Manual Transformasi yang memperkenalkan lima Panduan Dasar dan 10 inisiatif yang disasarkan untuk mendorong dan meningkatkan prestasi GLC.
- Fasa Ketiga Program Transformasi GLC adalah bagi tempoh 2007-2010

Abdullah menegaskan, beliau berharap kepimpinan GLC akan meneruskan perjuangan masing-masing kerana cabaran masa depan akan lebih kuat dan persaingan menjadi lebih sengit.

"Saya menjangkakan mereka dapat meneruskan perjuangan termasuk meneroka pasaran luar dan berdepan persaingan kerana modal insan yang kuat sudah diwujudkan.

"Kita memiliki pengarah dan eksekutif yang kuat untuk mengembangkan operasi syarikat," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, beliau percaya tumpuan kepada perniagaan teras adalah langkah terbaik untuk GLC meraih kejayaan lebih besar.

Beliau turut menafikan tuduhan mengatakan semua GLC tidak membuat keuntungan.

"Walaupun ada sesetengah belum untung, tetapi sebahagian besarnya sudah membuat keuntungan. Syarikat yang berbeza mempunyai masalah berbeza," katanya.

Abdullah menegaskan, kerajaan menerusi PCG sentiasa memantau prestasi semua GLC bagi memastikan mereka terus berjaya dan dapat mengekalkan prestasi masing-masing.